

# Peningkatan kes terkumpul meresahkan

BH  
5/2/16  
mls 13

» Orang ramai, PBT digesa tingkat kerjasama musnahkan lokasi pembiakan

Oleh Haika Khazi  
mfazul@bh.com.my

Bangi

Orang ramai dan pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu meningkatkan tahap kebersihan persekitaran dan memusnahkan kawasan pembiakan nyamuk aedes sebagai pendekatan menyeluruh dan berkesan dalam menangani masalah peningkatan kes demam denggi dan mencegah penularan virus zika di Malaysia.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam, berkata langkah berkenaan perlu kerana demam denggi dan virus zika disebarkan oleh spesies nyamuk yang sama iaitu aedes Aegypti.

“Apa yang menjadi kebimbangan kita sekarang adalah jika ada rakyat tempatan yang pernah melawat ke 26 negara di-



umumkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai kawasan penularan wabak berkenaan tidak sedar bahawa mereka sudah dijangkiti virus zika selepas kembali ke tanah air.

“Oleh itu, jika mereka digigit nyamuk aedes, tidak mustahil virus zika akan cepat merebak sama seperti kes demam denggi. Jika ia berlaku, kita tidak boleh mengawalinya lagi” katanya pada sidang media selepas meninjau salah satu kawasan panas jangkitan demam denggi di Apartmen Chempaka, Seksyen 16, di sini, semalam.

**Bimbang kes meningkat**  
Sementara itu, Dr Subramaniam melahirkan kebimbangan dengan peningkatan kes terkumpul demam denggi di seluruh negara

INFO

KES DENGGI DILAPORKAN BAGI JANUARI HINGGA 2 FEBRUARI 2016 DAN TEMPOH SAMA TAHUN 2015



Negeri	Jumlah kes terkumpul bagi Jan-2 Feb 2016		Jumlah kes terkumpul bagi tempoh sama tahun 2015	
	Kes	Kematian	Kes	Kematian
Perlis	34	0	55	0
Kedah	118	0	115	0
Pulau Pinang	827	7	633	2
Perak	563	0	1,547	3
Selangor	7,355	12	7,382	22
WPKL/Putrajaya	994	1	719	5
Negeri Sembilan	461	5	212	1
Melaka	358	1	257	1
Johor	2,379	2	788	2
Pahang	420	1	404	1
Terengganu	736	6	192	0
Kelantan	317	0	271	1
Sarawak	195	1	349	1
Sabah	494	1	328	1
WP Labuan	0	0	0	0
<b>Malaysia</b>	<b>15,251</b>	<b>37</b>	<b>13,252</b>	<b>40</b>

Sektor penyakit bawaan vektor bahagian kawalan penyakit Kementerian Kesihatan, Malaysia



yang kini mencecah 15,251 kes bagi tempoh 1 Januari hingga 2 Februari lalu berbanding 13,252 kes dalam tempoh sama pada tahun lalu.

Beliau berkata, kes kematian akibat denggi pula menurun sebanyak 7.5 peratus atau tiga kematian iaitu daripada 40 kes pada tahun lalu kepada 37 kes tahun ini.

“Selangor terus mencatat kes demam denggi tertinggi dengan 7,355 kes termasuk 12 kematian

bagi tempoh 1 Januari hingga 2 Februari lalu. Ini disusuli Johor dengan 2,379 kes, Kuala Lumpur dan Putrajaya masing-masing mencatat 994 kes, Pulau Pinang dengan 827 kes dan Terengganu merekodkan 726 kes.

“Oleh itu, saya berharap kerjasama antara orang ramai dan PBT dapat ditingkatkan dalam memusnahkan kawasan pembiakan nyamuk aedes bagi mengurangkan risiko jangkitan demam denggi dan penularan virus zika.



“ Apa yang menjadi kebimbangan kita sekarang adalah jika ada rakyat tempatan yang pernah melawat ke 26 negara diumumkan WHO sebagai kawasan penularan wabak berkenaan tidak sedar bahawa mereka sudah dijangkiti virus Zika selepas kembali ke tanah air”

Dr S Subramaniam, Menteri Kesihatan

“Dua langkah penting mengurangkan peningkatan kes demam denggi dan mencegah penularan wabak virus zika di negara ini ialah menghapuskan tempat pembiakan aedes serta memastikan kita tidak digigit nyamuk,” katanya.

Dr Subramaniam berkata, kawalan dan penghapusan kawasan pembiakan nyamuk aedes penting kerana ia mempunyai kaitan dengan virus zika yang sudah merebak ke 26 negara selepas mula dikesan di Amerika Selatan.